

Usah biar harimau Malaya sekadar jadi lambang

Sambutan Hari Harimau Sedunia pada 29 Julai lalu ialah inisiatif tahunan melalui persetujuan 13 negara yang memiliki harimau, iaitu *Tiger Range Countries* (TRC) ketika *St Petersburg Declaration on Tiger Conservation* sempena *Global Tiger Summit 2010*.

Raja Rimba itu menjadi haiwan terlindung di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), selain turut diisytiharkan sebagai haiwan kebangsaan. Ia berada di kiri dan kanan

Jata Negara serta lambang Rejimen Askar Melayu Diraja, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Filem Negara Malaysia, Maybank dan PROTON.

Malaysia antara hanya beberapa negara memiliki spesies harimau, iaitu harimau Malaya. Harimau Malaya antara subspecies harimau belang yang masih wujud di dunia dan hanya terdapat di Semenanjung.

Daripada sembilan subspecies harimau belang dunia, tiga daripadanya diisytiharkan pupus.

Pada 2014, bilangan haiwan liar yang masih ada di hutan Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak amat kecil, misalnya gajah hanya 1,220 ekor; harimau belang (450), seladang (270) dan rusa samba (700), manakala burung upeh kira-kira 10 ekor sahaja.

Lantaran itu, Malaysia tersenarai antara negara berbahaya untuk haiwan terancam apabila sekurang-kurangnya satu perlima spesies mamalia menghadapi ancaman kepupusan. Data Bank Dunia menunjukkan 70 daripada 336 spesies mamalia terancam ada di Malaysia, sekali gus menjadikannya ketujuh tertinggi di dunia dalam kategori itu.

Harimau Malaya memenuhi kriteria dilabelkan sebagai Spesies Terancam Tahap Kritikal di bawah Senarai Merah Spesies Terancam Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (IUCN). Terdahulu, spesies ini hanya tersenarai sebagai spesies terancam sejak 2008.

Tiga punca utama ialah kegiatan pembukaan tanah besar-besaran untuk pertanian dan pembangunan hartanah, aktiviti pemburuan dan pembalakan haram berleluasa.

Pembukaan tanah besar-besaran misalnya, menimbulkan konflik apabila tempat tinggal manusia dan harimau bertindan. Manusia bersaing dengan harimau untuk ruang dan makanan apabila manusia membuka kawasan pertanian serta ternakan hampir dengan habitat haiwan berkenaan, terutama di pinggir hutan.

Akibatnya boleh menyebabkan kematian ternakan dan manusia itu sendiri, tetapi jarang berlaku apabila harimau dipindahkan atau dibunuh.

Sekitar 1950-an, Semenanjung Malaysia memiliki lebih 3,000 harimau Malaya mendiami hutan belantara. Pakar menganggarkan hanya 250 hingga 340 harimau Malaya di Semenanjung berdasarkan kajian dijalankan sejak 2010 hingga 2013.

Kini di Semenanjung, ada kira-kira 200 ekor, sekali gus sangat membimbangkan. Ini boleh dianggap angka 'darurat' kerana ia hampir pupus di habitat sebenar. Malah, khazanah negara ini sudah dikategorikan 'sangat terancam' sejak Jun 2015.

Jika pemburuan terus menghantui hidupan liar ini bagi mendapatkan kulit, daging, kuku, taring dan tulang, harimau Malaya bakal pupus menjelang 2022. Ia antara spesies menjadi buruan kerana permintaan sangat tinggi di pasaran gelap.

Hampir keseluruhan bahagian harimau mempunyai kegunaan dan 'khasiat' tersendiri, sekali gus menjadikannya mendapat permintaan tinggi khususnya bagi tujuan perubatan tradisional. Anggota badan harimau boleh dijual sehingga lebih AS\$50,000 (RM184,272) di pasaran gelap di China.

Umumnya, bangkai harimau dijual di pasaran gelap dengan harga AS\$5,000 (RM18,427), manakala harga bagi seekor harimau yang masih hidup sehingga AS\$50,000 (RM184,272). Kulitnya mampu mencecah sehingga AS\$35,000 (RM128,988), manakala seekor anak harimau dijual dengan harga AS\$3,200 (RM11,793).

Ketua Landskap Harimau Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF), Dr Mark Rayan Darmaraj tidak menolak kemungkinan warga tempatan menjadi orang tengah membantu sindiket pemburuan haram.

Jangan kita pula dipersalahkan sekiranya generasi akan datang tidak boleh melihat spesies flora dan fauna seperti harimau yang mungkin menerima nasib sama seperti badak sumbu Sumatera dan badak Jawa yang pupus.

Beliau berkata, pihaknya mengesan pemburu haram dari Thailand, Kemboja, Vietnam dan Laos bertindak menceroboh hutan negara bagi menjerat harimau.

Ketika ini, Seksyen 68 (1) (c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) memperuntukkan hukuman denda maksimum hingga RM500,000 dan penjara lima tahun bagi pemburuan haram spesies hidupan liar dilindungi.

Kadar reproduksi harimau Malaya turut berkurangan disebabkan kekurangan sumber makanan seperti babi hutan dan kancil. Sumber makanan harimau semakin berkurangan apabila diburu di luar tempoh pemburuan, melebihi had, memburu tanpa lesen dan memburu haiwan dalam hutan perlindungan.

Tabiat hidup harimau turut menyumbang kepada kepupusannya. Antaranya, spesies ini hidup bersendirian kecuali ketika hendak mengawan atau masih beranak kecil. Proses mengawan berlaku sepanjang tahun dan menghasilkan dua atau tiga anak yang memberi kesan kepada kemandirian spesies berkenaan.

Menyedari harimau Malaya berdepan ancaman kepupusan, usaha menyelamatkannya perlu dilakukan. Jangan kita pula dipersalahkan sekiranya generasi akan datang tidak boleh melihat spesies flora dan fauna seperti harimau yang mungkin menerima nasib sama seperti badak sumbu Sumatera dan badak Jawa yang pupus.

Disebabkan harimau Malaya hanya terdapat di Semenanjung, ia akan menyebabkan kepupusan menyeluruh. Oleh itu, Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTACP) digubal dengan sasaran 1,000 harimau menjelang 2020. Bagaimanapun, ada laporan menyatakan sasaran itu tidak dapat dicapai kerana habitat harimau semakin mengecil.

Antara tindakan boleh dilakukan adalah dengan memperkenalkan habitat selamat kerana mampu menambah peluang spesies ini membiak di bawah pemantauan pakar dan saintis.

Pengurusan habitat perlu diberi ketumpukan termasuk mengekalkan hutan simpan yang dilihat membantu menambah populasinya apabila lebih 90 peratus kawasan hutan tinggal ialah Hutan Simpanan Kekal diselia Jabatan Perhutanan atau Kawasan Perlindungan diselia Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Landskap terbesar Taman Negara berperanan sebagai populasi terbesar harimau belang. Ia mengunjur dari hutan pamah ke hutan bukit dipterokap di negara ini meliputi hutan simpan mengelilingi Taman Negara.

Peningkatan kesedaran awam, penguatkuasaan undang-undang berkesan dan kesungguhan politik diperlukan untuk menghalang aktiviti pemburuan haram serta perdagangan hidupan liar.

Melindungi harimau bukan tanggungjawab agensi penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerajaan, badan korporat dan komuniti tempatan.

Kita juga memerlukan undang-undang lebih menyeluruh dan tegas menangani pemburu haram rentetan penjualan haiwan liar berleluasa di media sosial dan portal perdagangan dalam talian.

Oleh itu, langkah meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dengan memperuntukkan hukuman lebih setimpal, iaitu penjara melebihi 10 tahun dan denda sehingga RM5 juta bagi pemburu haram sangat tepat. Ia selaras perkembangan semasa yang menyaksikan kegiatan pemburu haram semakin rakus menjarah khazanah alam demi mengaut keuntungan.

Penulis adalah Pensyarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia



**Prof Madya
Dr Haliza
Abdul
Rahman**